

DOB4

U 8537 BAH
MAHATHIR - JURUTEKNIK

KUALA LUMPUR, 15 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGARAHKAN SUPAYA PERKHIDMATAN JURUTEKNIK DALAM SEKTOR AWAM, TERMASUK JURUTEKNIK DALAM GRED BERSEKUTU, DIKAJI SEMULA, DEMIKIAN MENURUT KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU).

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERKARA ITU KEPADA MTSU PADA SATU PERJUMPAAN DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI HARI INI. PERJUMPAAN ITU BERLANGSUNG LEBIH DUA JAM.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN ITU, SETIAUSAHA AGUNG MTSU, ENCIK KHAIRUDIN MYDIN, BERKATA, PERDANA MENTERI MENGARAHKAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) SEMALAM SUPAYA MENJALANKAN KAJIAN SEMULA ITU.

IA AKAN TERMASUK KESELURUHAN SEKTOR AWAM, TERMASUK JABATAN-JABATAN NEGERI, BADAN-BADAN BERKANUN DAN PENGUASA TEMPATAN, JELASNYA.

BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI JUGA BERJANJI UNTUK MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK JAWATAN KENAIKAN PANGKAT BAGI JURUTEKNIK.

MENURUTNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR KURANG SENANG DENGAN KAJIAN BERASINGAN YANG DIJALANKAN OLEH JPA SEBELUM IA MELAKSANAKAN SESUATU URUSAN KENAIKAN PANGKAT. - - LAGI.

1928MST 15 06 90

DOB5

U 8539 BAH
MAHATHIR - JURUTEKNIK 2 KUALA LUMPUR

MTSU TELAH MEMINTA KERAJAAN MENAIKKAN TARAF JURUTEKNIK DARIPADA KATEGORI C KEPADA B DAN PENOLONG JURUTEKNIK DARIPADA KATEGORI B KEPADA A. IA JUGA MEMINTA SUPAYA URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI KUMPULAN JURUTEKNIK DIPERLUASKAN KEPADA JURUTEKNIK GRED BERSEKUTU.

MENURUT ENCIK KHAIRUDIN, DATUK SERI DR MAHATHIR ENGGAN MENGULAS MENGENAI TUNTUAN KESATUAN ITU.

+BAGAIMANAPUN, BELIAU MENUNJUKKAN RASA SIMPATI KEPADA TUNTUTAN BERKENAAN,+ KATANYA.

TIDAK ADA JANGKA MASA TERTENTU DITETAPKAN UNTUK PERLAKSANAAN KAJIAN ITU TETAPI KESATUAN BERHARAP IA DAPAT DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH ENAM BULAN.

ENCIK KHAIRUDIN BERKATA, PADA PERJUMPAAN ITU PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA KAJIAN ITU AKAN MENGAMBIL KIRA IMPLIKASI KEWANGAN DAN KEMAMPUAN KEWANGAN KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT ITU.

MENURUT ENCIK KHAIRUDIN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEKIRANYA SESUATU KUMPULAN PERKHIDMATAN DINAIKKAN PANGKAT, KUMPULAN LAIN JUGA AKAN MEMBUAT TUNTUTAN MEREKA. -- LAGI.

1930MST 15 06 90

DOB6

U B540 BAH
MAHATHIR - JURUTEKNIK 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBERITAHU DELEGASI MTSU BAHAWA KERAJAAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA PEMBANGUNAN SEKTOR PEKERJAAN KOLAR BIRU DAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI, TAMBAH ENCIK KHAIRUDIN.

ENCIK KHAIRUDIN BERHARAP JPA AKAN MENGAMBIL KIRA PENDAPAT KESATUAN SEMASA MELAKSANAKAN KAJIAN ITU DAN SATU PERTEMUAN DENGAN MTSU DIADAKAN APABILA KAJIAN ITU SIAP KELAK.

YANG TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ITU IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR YUSOF NOR DAN KETUA PENGARAH JPA, DATUK MAHMUD TAIB. -- BERNAMA.

1931MST 15 06 90